



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	08.08.22	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	PERHILITAN			

# TNB berjaya uji jana tenaga arang batu bersama ammonia

**Ujian** pertama pembakaran ammonia bersama arang batu sebagai sebahagian daripada inisiatif nyah karbon sektor tenaga negara menunjukkan hasil positif, demikian menurut Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Ujian dijalankan TNB Research Sdn Bhd (TNBR) dan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), anak syarikat milik penuh TNB bersama IHI Power System Malaysia Sdn Bhd (IPSM) dan PETRONAS Hydrogen Sdn Bhd di pusat kemudahan pelantar ujian TNBR di Kajang, baru-baru ini.

Eksperimen pembakaran bersama ammonia itu menempa kejayaan apabila pelepasan karbon

dioksida (CO<sub>2</sub>) dan sulfur dioksida (SO<sub>2</sub>) yang direkodkan didapati berkurangan mengikut kadar pembakaran.

Malah, tiada kesan tindak balas ammonia pada laluan keluar relau ketika ujian dijalankan dan suhu pembakaran juga tidak menunjukkan perbezaan ketara.

“Hasil ujian dilihat memenuhi objektif eksperimen menuju nyah karbon, lantas mengukuhkan peluang TNB untuk mewujudkan projek rintis stesen jana kuasa rendah karbon sekiranya memperoleh persetujuan daripada pihak berkuasa.

“Ujian pembakaran bersama ini diketuai IPSM, pakar dalam

pembangunan teknologi pembakaran ammonia,” kata TNB dalam satu kenyataan.

PETRONAS Hydrogen berpeperanan membekalkan ammonia dan peralatan berkaitan, manakala TNBR menyediakan tenaga kerja, utiliti dan peranti pengukuran.

TNB Genco pula menyediakan jenis-jenis arang batu yang digunakan di stesen jana kuasa arang batu sedia ada.

Objektif utama ujian itu adalah bagi menentukan kesan pembakaran bersama ammonia sebagai bahan bakar bebas karbon terhadap arang batu dalam sistem penjanaan kuasa berasaskan arang batu.

## BH080822\_23

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Asli No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia